




# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku




**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810



# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**

Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



# *Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh*

**Fauziana Fauzi @ Mat Rawi**

Pusat Pengajian Ekonomi Dan Kewangan, Fakulti Pengurusan & Perniagaan,  
UITM Puncak Alam

Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, kebanyakan aktiviti harian kami sekeluarga adalah di rumah. Pada waktu itu aku dan suami diarahkan untuk bekerja dari rumah atau "work from home". Manakala anak-anak pula perlu mengikuti proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di rumah secara atas talian. Pada waktu lapang, kebanyakan masa kami hanya dihabiskan dengan menonton televisyen dan juga bersama telefon pintar. Pada ketika itu aku mula memikirkan aktiviti lain yang lebih bermanfaat untuk anak-anak dan aku merasakan bahawa membaca adalah aktiviti yang terbaik di samping dapat membantu anak-anak untuk menambahkan rekod di dalam buku NILAM. Jadi aku terus melayari laman web Galeri Ilmu dan memesan beberapa buah buku secara atas talian yang sesuai untuk bacaan anak-anak. Antara buku yang dibeli ialah buku bertajuk "Keajaiban di Tanjung Emas" keluaran Asuh karangan Khairy Tajudin. Buku ini mengandungi 20 kisah pahlawan Islam yang berusaha untuk agama Islam ke seluruh dunia termasuklah kisah penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh pada 20 Jamadil Awal tahun 857 Hijrah bersamaan 29 Mei 1435 Masihi yang pada ketika itu hanya berumur 21 tahun.

Umum mengetahui, Sultan Muhammad Al-Fateh sangat terkenal dengan kejayaannya menakluki Kota Konstantinople yang gagah berdiri selama 1000 tahun lamanya. Setelah ditakluk, Kota Konstantinople telah ditukar namanya kepada Istanbul yang membawa maksud "Islam keseluruhannya". Baginda merupakan Khalifah Empayar Uthmaniyah yang ke-7 pada usia yang baru menginjak 19 tahun. Pada kebiasaannya aku akan membaca terlebih dahulu buku-buku yang dibeli untuk anak-anak bagi meneliti kesesuaian kandungan buku-buku tersebut untuk bacaan mereka. Selain itu ianya akan memudahkan aku untuk berteka-teki dengan anak-anak tentang apa yang telah mereka baca. Aku tidak menggalakkan anak-anak untuk membeli komik kerana melalui pembacaan buku, aku ingin mereka mempelajari cara membuat ayat yang sempurna serta menggunakan perkataan dan tatabahasa yang sesuai apabila membuat karangan.

Setelah selesai membaca kisah ini, barulah aku mengerti mengapa nama Sultan Muhammad al-Fateh masih lagi disebut dan dikagumi sehingga ke hari ini. Tidak hairanlah mengapa para ibu bapa berlumba-lumba untuk menamakan bayi mereka dengan nama Al-Fateh. Amat banyak pengajaran yang aku dapat setelah membaca kisah ini. Antaranya ialah sebagai seorang muslim, kita perlu berusaha untuk melaksanakan apa yang telah disebut di dalam hadis Nabi Muhammad S.A.W. Terdapat satu hadis nabi yang menyatakan bahawa kelak Kota Konstantinople akan ditakluk oleh sebaik-baik raja yang mempunyai sebaik-baik tentera. Sahabat-sahabat nabi serta pemimpin selepas itu bertungkus-lumus dan penuh bersemangat bagi menjayakan misi penaklukan tersebut. Sebagai contoh, Abu Ayyub Al-Ansari, sahabat nabi

yang terkenal. Walaupun telah lanjut usia, beliau tetap menyertai misi penaklukan. Keimanan serta kecintaan umat Islam terdahulu terhadap Nabi Muhammad mereka sangat kuat sehingga mereka sanggup berkorban apa sahaja bagi menjayakan misi tersebut. Selain Abu Ayyub al-Ansari, terdapat ramai lagi sahabat nabi yang telah meninggal dunia dan dimakamkan di luar Tanah Arab. Mereka mengembara ke segenap benua bagi menyahut seruan Rasulullah untuk menyebarkan Agama Islam. Antaranya ialah Saad bin Abi Waqqas yang makamnya terletak di Guangzhou, China, Makam Abu Ubaidah Al-Jarrah di Jordan serta makam Ummu Haram di Cyprus.

### **Usaha Penaklukan**

Sebenarnya, pelbagai usaha penaklukan telah dijalankan setelah kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. Semasa hayatnya, Nabi Muhammad S.A.W pernah menghantar surat kepada Maharaja Rom pada ketika itu iaitu Hercules untuk menyeru kepada Islam. Namun surat baginda yang telah disampaikan melalui Dihyah Al-Kalbi itu dikoyak oleh Hercules. Lalu baginda berdoa agar suatu hari nanti kerajaan Rom akan dikoyakkan oleh tentera Islam sebagaimana koyaknya surat pemberian baginda. Usaha penaklukan telah dimulakan oleh Saidina Ali bin Abi Talib pada tahun 34 hijrah, Muawiyah bin Abu Sufian pada tahun 84 hijrah, Sultan Sulaiman pada tahun 91 hijrah, Khalifah Harun al-Rasyid pada tahun 165 hijrah, Sultan Bayezid pada tahun 1391 masihi, 1397 masihi serta tahun 1400 masihi. Namun kesemua usaha tersebut menemui kegagalan.

Antara sahabat nabi yang turut serta di dalam usaha penaklukan kota Konstantinople ialah Abu Ayyub Al-Ansari. Adakah pembaca mengenali siapakah Abu Ayyub Al-Ansari? Beliau merupakan seorang sahabat nabi dari golongan Ansar. Sewaktu baginda nabi tiba di Madinah, ramai orang Ansar telah mempelawa baginda untuk tinggal di rumah mereka. Namun baginda memilih untuk tinggal di rumah Abu Ayyub Al-Ansari setelah unta baginda berhenti di situ. Makam Abu Ayyub al-Ansari kini terletak berdekatan benteng Kota Konstantinople di Istanbul, Turki kerana beliau telah meninggal dunia sewaktu menyertai perang bagi menakluki Kota Konstantinople pada zaman pemerintahan Muawiyah (674 masihi). Sebelum meninggal dunia, beliau telah berwasiat kepada tentera-tentera yang turut bersamanya untuk mengebumikan beliau berdekatan dengan benteng Kota Konstantinople tersebut. Ketika itu usianya telah mencecah 81 tahun.

Suatu ketika dahulu, makam Abu Ayyub al-Ansari telah dimulikan oleh orang-orang Rom. Mereka percaya bahawa makam itu keramat. Apabila jatuh sakit atau mempunyai sesuatu hajat, mereka akan menziarahi makam tersebut. Namun, untuk mengelakkan rakyatnya daripada terus memuja makam tersebut, Maharaja Rom telah memindahkan makam tersebut ke suatu tempat yang tidak diketahui umum. Setelah berjaya menakluki Kota Konstantinople, Sultan Muhammad al-Fateh menjejak kembali makam tersebut dan berjaya menemuinya setelah mendapat firasat melalui mimpi. Sewaktu kerja-kerja penggalian untuk memindahkannya kembali ke tempat seperti yang telah diwasiatkan, sebelah kaki Abu Ayyub al-Ansari secara tiba-tiba terjulur keluar. Kaki tersebut masih utuh dan tidak reput walaupun telah tertanam sejak beratus tahun yang lalu. Ketika Sultan Muhammad al-Fateh ingin mencium kaki tersebut, ia mengelak seolah-oleh tidak mengizinkan baginda manciumnya. Dikatakan, kaki tersebut malu apabila dicium oleh baginda, penakluk Kota Konstantinople. Jadi, sebagai umat Islam pada masa kini, mungkin kita oleh fikirkan apakah sumbangan kita kepada Islam walaupun tidaklah sehebat sumbangan mereka yang terdahulu.

### **Keagungan dan Kekuatan Kota Konstantinople**

Aku juga dapati bahawa kejayaan Sultan Muhammad al-Fateh menakluk Kota Konstantinople bukanlah kejayaan yang biasa. Ianya adalah amat luar biasa dan amat signifikan dalam sejarah Islam. Beliau telah berjaya menakluk sebuah kota yang sangat kuat dan kekuatan

dan keagungan pada waktu itu. Jom aku kongsi keagungan Kota Konstantinople pada waktu itu khususnya kepada penganut Kristian. Pembaca sekalian, Kota Konstantinople suatu ketika dahulu merupakan kota kebanggaan Kerajaan Rom kerana kedudukannya yang strategik iaitu terletak di antara Eropah dan Asia dan dihubungkan oleh Selat Bosphorus. Napoleon Bonaparte pernah mengungkapkan bahawa “Sekiranya aku berjaya menguasai Konstantinople, maka mudahlah aku menguasai dunia”. Tahukah pembaca sekalian siapakah Napoleon Bonaparte ini?

Sejarah Konstantinople bermula apabila Maharaja Konstantine memindahkan ibu kotanya dari Rom ke Konstantinople pada tahun 330 Masihi. Ekoran dari itu pada tahun 1054 kerajaan Rom telah berpecah kepada dua. Kerajaan di Rom bermazhab Kristian Roman Katolik manakala Kerajaan Rom di Konstantinople yang juga dikenali sebagai Empayar Byzantium bermazhab Ortodoks. Kerajaan Rom Timur ini meliputi negeri-negeri di Tenggara Eropah, Asia Kecil, Syria, Palestine, Mesir, pulau-pulau di Mediterranean dan pulau-pulau di Corsica dan Sicilly. Pada ketika itu Konstantinople telah menjadi tumpuan pedagang dari seluruh pelusuk dunia. Mereka juga telah membina sebuah gereja yang besar dan cantik iaitu “Hagia Sophia”. Aku yakin ramai pembaca telah sampai di Istanbul dan telah menjejakan kaki di Hagia Sophia. Hagia Sophia bermaksud kebijaksanaan suci dalam Bahasa Yunani. Ianya telah menjadi gereja besar di Konstantinople selama 1000 tahun. Struktur bangunan ini dibina oleh dua orang arkitek terkenal iaitu Isidore dari Miletus dan Anthemius dari Tralles atas arahan Maharaja Justinian I yang memerintah Empayar Byzantine pada masa itu.

Dikhabarkan seramai 10,000 orang pekerja telah terlibat dalam pembinaan Hagia Sophia dalam tempoh enam tahun dan dibuka pada tahun 537 masihi. Binaan ini merupakan bangunan tertua yang masih wujud di Istanbul kini. Ianya juga merupakan salah satu bangunan yang memiliki kubah berskala besar yang pertama di dunia sebelum terbinanya Katedral Florence di Itali pada abad ke-15. Sehingga kini para penyelidik masih masih takjub dengan binaan tersebut yang masih lagi kekal sehingga kini walaupun Turki telah banyak kali dilanda gempa bumi sama ada dalam skala kecil atau besar dan bangunan ini merupakan antara bangunan tertua di dunia ketika ini.

Kehebatan Kota Konstantinople juga dapat dilihat menerusi pembinaan sebuah sistem pengairan yang mengagumkan iaitu “Basilica Cisterns” yang terletak tidak jauh dari Hagia Sophia. Basilica Cisterns bukanlah satu-satunya kolam takungan air yang wujud di Kota Konstantinople pada ketika itu. Tetapi ia adalah takungan yang terbesar berbanding dengan takungan-takungan lain. Takungan ini berkeluasan 9,800-meter persegi dan boleh memuatkan air sehingga 80,000 kubik meter. Bumbungnya pula disokong oleh 336 tiang marmar yang setiap satunya berketinggian 9 meter. Tiang-tiangnya bersusun 12 baris dan 28 lajur dengan setiap satunya berjarak 25-meter antara satu sama lain. Kewujudan Basilica Cisterns ini adalah lambang keagungan Kota Konstantinople pada suatu ketika dahulu.

### **Didikan Sejak Kecil**

Daripada kisah ini juga aku mendapat tahu bahawa Sultan Muhammad Al-Fateh adalah seorang sultan yang luar biasa. Beliau telah dididik dan dilatih sejak kecil lagi untuk menjadi penakluk Kota Konstantinople oleh ayahnya Sultan Murad II. Baginda telah menghantar anaknya berguru dengan seorang syeikh yang hebat iaitu Syeikh Shamsuddin Al Wali. Di sini kita dapat lihat bahawa agama adalah asas utama dalam membentuk karakter al-Fateh. Mari kita sama-sama mengenali sultan hebat ini. Sultan Muhammad al-Fateh dilahirkan pada 30 Mac 1432 di Andrianapolis yang terletak di sempadan Turki – Bulgaria. Sejak di dalam buaian lagi Sultan Muhammad al-Fateh diisytiharkan bakal mencipta sejarah oleh seorang alim bernama Syeikh Syamsuddin al-Wali. Beliau pernah memberitahu Sultan Murad iaitu ayahanda kepada Sultan Muhammad al-Fateh bahawa orang yang akan membebaskan Kota Konstantinople dari Kerajaan Rom Byzantin bukanlah dirinya sebaliknya anaknya sendiri. Sejak itu Muhammad al-

Fateh dilatih hidup secara sederhana, dididik dengan pelbagai cabang ilmu agama disamping ilmu politik, seni perang, bela diri, tasawuf dan banyak lagi. Beliau juga mampu bertutur dalam tujuh Bahasa iaitu Arab, Turki, Greek, Hebrew, Pari, Latin serta Serbia. Malah beliau juga pakar di dalam ilmu ketenteraan, Sains dan Matematik.

Baginda membesar sebagai seorang pemuda tampan dengan bentuk badan yang tegap, kuat dan tinggi. Pipi baginda kemerah-merahan dan mempunyai hidung yang mancung. Baginda mula menaiki takhta ketika mencapai umur 19 tahun. Pada waktu itu baginda sudah arif dengan tipu helah musuh. Maharaja Konstantinople pernah mengirim guru-guru terbaik bagi mendidik baginda mengenai adab serta adat istiadat kehidupan raja-raja namun baginda menolaknya. Baginda telah membina sebuah benteng yang dinamakan Rumeli Hissari yang bermaksud benteng orang-orang Rom. Baginda sendiri membuka baju serta serban, mengangkat batu dan pasir sehingga semua para menteri dan ulama ikut serta dalam pembinaan tersebut. Pengajaran yang aku dapat dari sini ialah untuk mendapat anak-anak yang hebat, sebagai ibu-bapa kita perlulah mendidik anak dengan didikan agama yang secukupnya dan melengkapkan anak kita dengan pelbagai kemahiran.

Terdapat satu kisah masyhur yang membuktikan kesolehan Sultan Muhammad Al-Fateh. Setelah tiba hari Jumaat, iaitu apabila umat Islam ingin mendirikan solat di Hagia Sophia yang telah dijadikan masjid pada ketika itu, timbul pertanyaan tentang imam yang akan mengimami solat. Maka Sultan Muhammad al-Fateh telah bertanya kepada tentera-tenteranya "Siapakah antara kalian pernah meninggalkan solat fardu lima waktu'. Jika ada yang berbuat demikian mereka diarahkan untuk duduk. Namun tiada seorang tentera pun yang duduk. Baginda kemudiannya bertanya lagi "Siapakah antara kalian pernah meninggalkan sembahyang sunat rawatib". Maka separuh daripada tenteranya duduk. Lalu baginda bertanya lagi "Siapakah antara kalian pernah meninggalkan sembahyang sunat tahajud". Semua tentera duduk kecuali Sultan Muhammad al-Fateh. Sejak dari akil baligh baginda tidak pernah meninggalkan sembahyang lima waktu, sembahyang sunat rawatib serta sembahyang sunat tahajud. Maka pada hari itu beliaulah yang paling layak untuk mengimami solat Jumaat tersebut. Aku sungguh terkesan dengan kisah ini dan aku percaya bahawa kejayaan amat berkait langsung dengan ibadat yang kita lakukan.

### **Strategi Sang Penakluk**

Aku juga berpendapat bahawa kejayaan penaklukan terhadap kota ini adalah disebabkan oleh strategi yang digunakan. Strategi yang digunakan oleh sultan dan tenteranya amat luar biasa. Hal ini kerana Kota Konstantinople sangat sukar untuk ditembusi. Kota ini memiliki benteng pertahanan yang sangat kuat yang terdiri dari tiga lapisan. Ianya hampir tidak mungkin untuk ditembusi. Selain itu rantai besi gergasi juga telah dipasang di Tanduk Emas bagi menghalang kemasukan kapal-kapal musuh. Tanduk Emas merupakan sebuah muara yang mempertemukan Selat Bosphorus dan Laut Marmara. Ianya berukuran 7.5 km panjang dan 750-meter lebar. Kedalaman maksimumnya pula ialah 35 meter. Tanduk Emas membentuk sebuah pelabuhan dan telah menjadi laluan perairan yang sibuk seawal tahun 6700 sebelum Masihi lagi. Rantai gergasi yang ditempati di situ boleh digulung dan ditegangkan pada masa-masa tertentu. Ia direntangkan dari Menara Eugenius hingga ke menara besar yang terletak di seberang. Pelbagai percubaan telah dilakukan oleh tentera -tentera Islam bagi menembusnya. Namun semua strategi telah menemui kegagalan.

Oleh kerana sukarnya menembusi rantai gergasi tersebut, maka Sultan Muhammad al-Fateh telah memindahkan 70 buah kapal perangnya melalui jalan darat iaitu dari pengkalan mereka di Besiktas ke Tanduk Emas, sekaligus melepasi sekatan rantai besi ini. Laluan yang diambil adalah jauh dari kawasan Galata untuk mengelakkan dari diserang oleh kapal Genoa. Jarak antara dua pelabuhan adalah kira-kira tiga batu. Laluan yang dilalui bukanlah tanah yang rata dan mudah, tetapi tanah yang curam dan bukit yang belum diteroka. Sultan telah

memerintahkan agar tanah yang akan dijadikan laluan kapal diratakan. Kemudian, papan yang telah disapu dengan minyak dan lemak diletakkan di atas jalan yang telah diratakan itu supaya kapal perang mudah untuk diseret di atasnya. Bahagian yang paling sukar dalam projek itu ialah memindahkan kapal ke atas bukit yang tinggi. Perpindahan kapal-kapal itu diawasi oleh Sultan Muhammad al-Fatih sendiri dan dilakukan pada waktu malam, jauh daripada penglihatan dan pengawasan pihak musuh. Orang Rom sangat terkejut apabila mendapati bahawa kapal Uthmaniyyah telah pun berada di Tanduk Emas keesokan paginya. Pada 29 Mei 1453 masihi, maka tumbanglah Kota Konstantinople di tangan umat Islam.

Sebelum itu Sultan Muhammad al-Fateh juga telah membuat persediaan dan strategi yang sangat teliti sebelum penaklukan dijalankan. Baginda telah menyediakan senjata yang sangat lengkap. Meriam telah digunakan untuk merobek dinding-dinding pertahanan. Meriam yang digunakan pada waktu itu adalah yang terbesar pada zaman itu. Tentera-tentera yang terlibat pula ialah tentera-tentera yang telah dilatih sejak kecil lagi. Beliau juga telah mengikat perjanjian setia dengan negara-negara di sekitarnya supaya fokus beliau hanyalah menyerang Kota Konstantinople. Penaklukan Kota ini bermula pada 6 April tahun 1453 dengan jumlah tentera seramai 150 000 orang. Pada pandangan aku, selain strategi, semangat untuk tidak mudah mengaku kalah juga membawa kepada kejayaan ini.

### **Sultan Muhammad al-Fateh dan Dracula**

Pembacaan ini telah membawa aku ke sebuah kisah yang aku pasti tidak ramai pembaca yang tahu mengenainya iaitu hubungan Sultan Muhammad al-Fateh dengan Dracula. Aku percaya ramai pembaca telah menonton filem berkenaan Dracula. Terdapat pelbagai filem dan karya-karya dari Barat yang mengisahkan tentang Dracula, si penghisap darah yang hidup beribu tahun lamanya. Sosok “mayat hidup” yang takut akan bawang putih dan salib serta menghisap darah mangsanya di leher dengan gigi taring. Tapi, tahukan pembaca semua bahawa watak Dracula tersebut sebenarnya wujud? Dia adalah seorang manusia yang hidup sezaman dengan Sultan Muhammad al-Fateh pada kurun ke-15. Namun, kebanyakan karya barat telah memesongkan kisah sebenar. Di dalam filem berjudul “*Dracula Untold*” sebagai contoh, Sultan Muhammad Al-Fateh telah digambarkan sebagai seorang sultan yang kejam dan akhirnya mati di tangan Dracula. Namun kisah sebaliknya adalah sangat bertentangan dengan kisah yang cuba ditonjolkan oleh Barat.

Aku akan ceritakan serba-sedikit tentang Drakula. Drakula atau Vlad III dilahirkan pada tahun 1431 dalam keluarga bangsawan di Benteng Sighisoara, Transylvania Romania. Ayahnya Vlad II dipanggil Dracul kerana menjadi sebahagian daripada Ordo Naga (*Order of the Dragon*), iaitu angkatan kesatria yang telah ditubuhkan untuk menentang Empayar Uthmaniah. Dracula disebut Dracul-ae dalam Bahasa Romania, di mana *draco* bermaksud naga dan *-ae* bermaksud anak kepada. Gabungan kedua-dua perkataan ini membawa maksud ‘anak kepada naga’. Dracul merujuk kepada Vlad II manakala Dracula pula merujuk kepada Vlad III/Vlad Sang Penyula.

Pembaca sekalian, Ordo Naga telah diasaskan pada 12 Disember 1408 oleh Sigismund von Luxembourg yang merupakan raja Hungary pada ketika itu. Tempat kelahiran Dracula iaitu Transylvania merupakan sempadan antara dua empayar terbesar pada ketika itu iaitu Empayar Turki Uthmaniyyah dan Raja Hungary. Bapanya Vlad II telah diberi kepercayaan untuk memimpin Wallachia, salah satu jajahan di bawah kesultanan Uthmaniyyah. Wallachia harus memberikan jizyah kepada Kerajaan Turki. Sebagai jaminan kesetiaan, Dracula dan adiknya Raducel Frumos dididik di bawah kesultanan tersebut dan menyertai pasukan ketenteraan Janissari, kumpulan elit tentera milik sultan Uthmaniyyah. Mereka berdua telah mempelajari ilmu serta strategi peperangan tentera Islam. Namun, pada usia 13 tahun, Dracula mengangkat sumpah di dalam Ordo Naga untuk memerangi kaum Muslimin kerana kebenciannya terhadap kaum muslimin. Hal ini bertentangan dengan adiknya Radu yang memeluk agama Islam.


Pada usia 13 tahun, Vlad II telah dibunuh oleh angkatan John Hunyadi, Raja Hungary yang cuba merampas Wallachia. Oleh kerana itu, kesultanan Uthmaniyyah telah menghantar bantuan bagi membebaskan wilayah itu daripada Hunyadi. Sultan Murad II iaitu ayah kepada Sultan Muhammad al-Fateh kemudiannya memberikan kepercayaan kepada Dracula bagi menggantikan ayahnya untuk memimpin Wallachia. Rupa-rupanya Dracula adalah seorang pembelot. Kerana kebenciannya kepada ayahnya yang tunduk kepada muslim, Dracula telah mengambil kesempatan itu untuk merosakkan pertahanan orang Islam. Dia yang berkebolehan dalam Bahasa Arab, Turki serta mempunyai pengetahuan tentang ketenteraan pada mulanya berpura-pura menjadi benteng pertahanan umat Islam. Lalu, dia menghancurkannya dari dalam. Hal ini membolehkan beliau menguasai Wallachia dari tahun 1448 sehinggalah ditewaskan oleh Sultan Muhammad al-Fateh dalam beberapa siri peperangan.

Pembaca sekalian, Dracula merupakan seorang yang amat kejam. Setelah sembilan tahun kejatuhan Kota Konstantinople, Sultan Muhammad telah menghadapi Dracula secara khusus dengan menghantar 1,000 orang tentera yang diketuai oleh Hamzah Bey. Namun, Nasib angkatan tentera tersebut amat tragik. Mereka telah tewas di tangan Dracula dan tentera-tentera tersebut telah disula. Hamzah Bey pula disula pada kayu yang paling tinggi dan dicacak di tengah-tengah antara tentera-tentera tersebut. Sejak itu Dracula dikenali sebagai Tepe (tsep-pesh) atau "The Impaler" – Sang Penyula. Setelah itu Sultan Muhammad menghantar pula adiknya Radu yang memahami selok-belok Romania untuk memimpin 90,000 tentera Janissari menceroboh hutan serta kawasan berbukit bagi menghadapi Dracula yang berlindung di benteng Poenarinya yang kukuh. Walaubagaimanapun pada tahun 1462, Dracula akhirnya tewas dalam serangan pada waktu malam atau dikenali sebagai "Atacul de Noapte" atau "The Night Attack". Radu kemudiannya menggantikan abangnya menjadi pemimpin Wallachia. Dracula kemudiannya melarikan diri dan mendapatkan bantuan pembunuh ayahnya, John Hunyadi sehingga mati dibunuh oleh tentera Uthmaniyyah pada bulan Disember tahun 1478 di tepi Danau Snagov. Sepanjang hayatnya Dracula dikatakan telah membunuh lebih kurang 50,000 orang orang Islam. Kisah ini telah difilemkan dan aku telah menontonnya di Netflix.

## **Pengajaran**


Sultan Muhammad al-Fateh mangkat pada 3 Mei 1481 di Hünkârcayırı, berdekatan Gebzketika berusia 49 tahun setelah diracun oleh doctor peribadi baginda seorang Yahudi bernama Maesto Jakopa. Apabila berita itu sampai di Rom, Paus amat gembira lalu memerintahkan gereja-gereja dibuka bagi orang ramai berkumpul dan berpesta. Mereka berarak di jalan-jalan raya sambil menyanyikan lagu kemenangan dan ketuhanan. Pope Besar pula mengarahkan supaya dibunyikan loceng selama tiga hari tiga malam sebagai tanda kegembiraan.

Sesungguhnya banyak pengajaran yang dapat aku ambil dari kisah penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad al-Fateh ini. Aku percaya bahawa untuk membentuk sebuah generasi yang hebat, ibu bapa perlu memperkuat jiwa anak-anak mereka dengan agama, ilmu pengetahuan serta kemahiran. Sebagai umat Islam, kita perlu mencontohi keazaman tinggi yang telah ditunjukkan oleh Sultan Muhammad al-Fateh dalam misi penaklukan tersebut. Penaklukan ke atas kota yang sangat kukuh dan kuat amat memerlukan kebijaksanaan serta strategi yang sangat teliti. Hal inilah yang telah dilakukan oleh baginda dan perlu dicontohi oleh kita semua. Kita juga perlu mengelakkan daripada bersikap khianat seperti yang telah ditunjukkan oleh Dracukla @ Vlad III yang akhirnya kecundang dengan tragisnya. Aku doakan semoga akan lahir lebih ramai lagi Sultan Muhammad al-Fateh di kalangan generasi yang akan datang untuk menegakkan agama Islam.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

